

umum berdasarkan jumlah layaran sejak pelancaran hingga Oktober 2017 iaitu sebanyak **14.07 juta**. Pemerhatian dari aspek perkongsian maklumat daripada sumber portal sebenarnya.my oleh masyarakat awam di media-media sosial memberi indikasi yang positif dari segi keberkesanan portal dalam membantu menangani masalah penularan maklumat serta berita yang tidak sah atau palsu dalam talian.

Pihak Kementerian melalui SKMM juga telah mewujudkan jalinan kerjasama berbilang Kementerian dan agensi, bagi melicinkan proses dan menyelaras koordinasi dalam menjelaskan atau menafikan sebarang berita palsu dan mengelirukan yang telah disebarluaskan atau ditularkan di Internet amnya.

Selain itu, pihak Kementerian dengan SKMM juga turut menggerakkan program advokasi termasuk mempromosikan portal sebenarnya.my melalui wawancara khas dan pengumuman khidmat awam di media elektronik dan cetak dan juga melalui program-program khas seperti Seminar Media Sosial di setiap negeri. Diharap usaha ini dapat membudayakan amalan menyemak maklumat atau dengan izin “fact checking”, dan agar masyarakat lebih “celik fakta” dan waspada sebelum bertindak menyebarkan berita yang tidak ditentusahkan.

Sebagai langkah lanjutan, pihak Kementerian juga sedang di dalam proses mengkaji keperluan bagi mendaftarkan portal-portal berita atas talian dalam negara. Langkah pengemaskinian serta penambahbaikan akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang dan pengawalseliaan kandungan terus kekal relevan selaras peredaran semasa.